

BAB 2 : DASAR PENUBUHAN SEKOLAH HENRY GURNEY *

Sekolah Henry Gurney telah ditubuhkan oleh British kerana keperluan untuk mengatasi jenayah juvana di Tanah Melayu. British sedar ramai juvana telah dimasukkan ke dalam penjara yang juga terdapat banduan dewasa. Ini telah menimbulkan banyak masalah terutama takut dipengaruhi oleh pesalah dewasa. Ini jelas terdapat di dalam Annual Report 1906, Penjara Pudu;

"...There with 6 juvenile offenders committed as compared 2 in 1905. These were located in the civil Prison and kept as far as possible separate from adult prisoners".⁴⁴

Penambahan pesalah juvana terus meningkat pada tahun 1907 . Ini dijelaskan di dalam Annual Report;

"...Fifteen juvenile, three Chinese, eight Tamils, 4 Malays, aged from 12 to 15, were admitted during a year, a marked increase on last year when only six were admitted. There were also twelve youths admitted whose aged 16 years. Unfortunately there are suitable means of keeping juveniles separate from adult prisoners, either out of sight of hearings. Every case is, however taken in making them work as far possible, apart from the other prisoners, an in locating them at night in separate cells in the Civil Prison".⁴⁵

Jelaslah di sini juvana memerlukan pengasingan tahanan jauh dari pesalah dewasa bagi mengelakkan tekanan psikologi kepada mereka. Apa yang dapat dilihat di sini ialah tiada bentuk pemulihan yang diberi pada pesalah juvana ini.

44. Annual Report, Prison Department Selangor 1906, m.s. 6.

45. Annual Report, Prison Department Selangor, 1907, m.s. 7.

*. Sekolah ini mengambil sempena nama Sir Henry Gurney, Pesuruhjaya Tinggi British. Keterangan lanjut mengenai ini di muka surat 46.

Persoalannya mengapakah British mengambil masa yang lama untuk menubuh sebuah pusat pemulihan juvana ?. Adakah kerana tiada kepentingan pada pihak British dan lebih-lebih lagi pula perkara ini mengenai orang tempatan serta memerlukan peruntukan yang tinggi dalam menyediakan tempat. Atau pun pihak Inggeris mula sedar apa yang telah berlaku di sekitarnya khasnya pengaruh komunis menular di Tanah Melayu. Jadi untuk mengawal dan menyekat pengaruh ini dari berleluasa serta bahaya wajarlah langkah tegas dilakukan untuk membendung ancaman ini. (Penghuraian mengenai ancaman komunis dijelaskan pada muka surat 32).

Sehubungan dengan itu Akta Kanak-kanak Salah Asuhan, pertama kalinya diperkenalkan pada 25 September, 1947. Ianya juga dikenali sebagai 'Juvenile Court Act 1947'. Di tahun yang sama juga sebuah mahkamah kanak-kanak telah dibentuk yang di antara fungsinya ialah;

- a. Menentukan samada seseorang kanak-kanak itu bersalah atau tidak di atas setiap tuduhan yang dikemukakan kepadanya. Juga menentukan yang seseorang kanak-kanak itu perlu atau tidak diberi jagaan dan perlindungan.
- b. Menentukan sebab-sebab atau punca kanak-kanak itu dibawa kemuka pengadilan, selepas mendapat keterangan yang lengkap mengenai kelakuan, keadaan rumah tangga ibubapa atau penjaganya, laporan dari pihak sekolah dan laporan kesihatannya. Selepas itu barulah ditentukan cara-cara pemulihan yang terbaik bagi faedahnya. Keputusan ini diambil setelah pihak mahkamah membincangkan segala butir dan keterangan mengenai kes yang dibawa kepadanya.⁴⁶

46. Perkhidmatan Kebajikan Masyarakat Di Malaysia, Kementerian Kebajikan Am Malaysia, Solai Press, Kuala Lumpur, 1970, m.s. 18.

Mahkamah ini juga di dalam menjalankan tugasnya, ia berpandukan kepada beberapa peraturan tertentu. Di antaranya ialah;

“...di dalam soal membicarakan seseorang kanak-kanak yang dihadapkan kepadanya, samada ia memerlukan perlindungan, jagaan atau sebagai pesalah, pihak mahkamah hendaklah mengambil berat mengenai kebijakannya dan hendaklah bertindak mengalihkan ia daripada situasi yang tidak diingini, memberikan mereka pelajaran dan latihan yang sempurna.”⁴⁷

Selain daripada itu pihak mahkamah di dalam menjalankan kuasanya, membuat tindakan mestilah berlandaskan kepada prinsip-prinsip berikut;

- a. Menasihati dan membebaskan kanak-kanak yang dibawa kepadanya, sekiranya kes itu memerlukan tindakan sedemikian atau pun menyerahkannya kepada jagaan seorang saudara maranya atau kepada sesiapa yang difikirkan layak untuk berbuat demikian.
- b. Memerintahkan ibubapa atau penjaga menjalankan jagaan atau kawalan yang sempurna ke atas kanak-kanak di bawah tanggungan mereka.
- c. Memerintahkan setiap pesalah diletakkan di bawah jagaan seorang Pegawai Akhlak atau seorang lain yang difikirkan layak dengan syarat-syarat yang sesuai dan munasabah.
- d. Memerintahkan pesalah supaya dihantar ke Sekolah Akhlak (Approved School) atau ke Sekolah Akhlak Tertinggi (Advanced Approved School atau Henry Gurney School).⁴⁸

47. Ibid., m.s. 19.

48. Keterangan:

- a. 'Approved School' ialah sekolah yang diluluskan oleh Menteri yang bertanggungjawab bagi tujuan pendidikan, latihan dan tahanan ke atas budak-budak yang didapati bersalah. Ia biasanya terletak di bawah kawalan Kementerian Kebajikan Am.
- b. 'Advance Approved School atau Henry Gurney School' bermaksud sekolah di bawah arahan dan pengawalan Pengarah Penjara Malaysia dan diluluskan oleh Menteri yang bertanggungjawab bagi tujuan pendidikan, latihan dan tahanan ke atas kanak-kanak yang didapati bersalah. Sekolah ini juga berada di bawah pengawasan Kementerian Kebajikan Am dan Kementerian Dalam Negeri.

- e. Mahkamah juga berhak memerintahkan setiap pesalah membayar denda, pampasan atau sebarang bentuk perbelanjaan lain yang difikirkan perlu dan berpatutan.⁴⁹

Mahkamah yang ditubuhkan ini juga mempunyai beberapa bidang kuasanya seperti mana yang terkandung di dalam Fasal 12, 1. Di dalam fasal ini dinyatakan di mana pihak mahkamah berpuas hati yang pesalah didapati terbukti kesalahannya, maka mahkamah dengan kuasa yang ada di tangannya berdasarkan akta ini atau pun sebarang undang-undang yang ada buat masa ini, berkuasa memerintahkan pesalah juvana untuk dihantar ke Sekolah Akhlak atau pun ke Sekolah Henry Gurney.

Bidang kuasa mahkamah ini dapat juga kita lihat selanjutnya di bawah fasal 36 dan 40. Di bawah fasal 36 (a) ini ada dinyatakan bahawajika mahkamah berpuas hati yang kanak-kanak atau pun orang muda yang dibawa ke muka pengadilan di bawah bahagian ini oleh Pegawai Kebajikan Masyarakat, Pegawai Akhlak, Polis atau pun mereka yang berkuasa untuk tujuan jagaan atau perlindungan, pihak mahkamah berkuasa samada, memerintahkan juvana untuk dihantar ke Sekolah Henry Gurney dalam jangka masa selama 3 tahun dari tarikh tersebut sehingga ia telah mencapai umur lapan belas tahun atau dua puluh satu tahun di mana tahap umur tertinggi yang dibenarkan tinggal di institusi atau Rumah Akhlak yang diluluskan oleh menteri.

49. Perkhidmatan Kebajikan Masyarakat di Malaysia, m.s. 20-21.

Di bawah fasal 37 pula terdapat dua pecahan yang nyata tentang kuasa mahkamah ini. Fasal ini menyebut;

... di mana didapati ibubapa atau penjaga yang tidak berupaya mengawal anak-anak mereka maka pihak mahkamah bertanggungjawab;

- a. Meletakkan mereka ini di bawah pengawasannya.
- b. Memerintahkan mereka ini supaya dihantar ke Sekolah Akhlak, Sekolah Henry Gurney atau Rumah Pemulihan untuk satu jangkamasa yang tertentu tidak melebihi selama tiga tahun. Mereka ini juga diletakkan di bawah perhatian seorang Pegawai Akhlak atau seorang lain yang dipilih oleh pihak mahkamah untuk mengawasinya ...⁵⁰

Berpandukan laporan yang dikeluarkan oleh pihak mahkamah kanak-kanak di Malaysia khasnya selepas terbentuknya akta tersebut sehingga ke hari ini, secara keseluruhannya jenis-jenis kesalahan dan jenayah yang berkaitan dengan masalah salah asuhan adalah seperti kesalahan yang bersabit dengan harta benda. Ini termasuklah kesalahan seperti mencuri, pecah rumah, merompak dan lain-lain lagi. Selain daripada itu juga terdapat jenis jenayah lain seperti kesalahan yang bersabit dengan orang lain. Di dalam kategori ini termasuklah perbuatan menyerang seseorang, mencederakannya, mencolek atau menghina di khalayak ramai.

Penahanan terhadap mereka juga berlaku kiranya kanak-kanak ini telah melakukan kesalahan jantina seperti merogol, bersekedudukan, menjadi pelacur serta

50. Perlembagaan Malaysia, Akta 90, Akta Mahkamah Budak-budak, 1947, m.s. 15-27.

berjudi khasnya sebarang bentuk judi yang diharamkan. Mereka juga akan dianggap melakukan kesalahan jika melanggar undang-undang trafik dan lalulintas. Perkara ini termasuklah memandu serta menunggang motosikal tanpa lesen, memandu di dalam keadaan yang merbahayakan diri sendiri atau orang lain, memandu di dalam keadaan mabuk atau tidak sedarkan diri dan sebagainya.

Kanak-kanak ini juga akan didakwa ke mahkamah jika mereka didapati melanggar undang-undang kecil perbandaran seperti merayau-rayau tanpa tujuan atau pun merosakkan harta benda awam seperti telefon dan sebagainya. Selain dari itu mereka juga akan dihadapkan ke mahkamah dan seterusnya dihantar ke Sekolah Henry Gurney atau lain-lain institusi pemulihan akhlak kiranya didapati terlibat di dalam penyalahgunaan dadah. Kanak-kanak seterusnya dianggap bersalah kiranya didapati bersabit dengan kesalahan melanggar ordinan kastam dan eksais.

Berdasarkan akta ini juga kanak-kanak didapati bersalah kiranya mereka melakukan kesalahan kecil lain khasnya seperti lari dari rumah, melakukan tentangan terhadap kedua ibubapa dan sebagainya. Akhir sekali kanak-kanak ini dianggap melakukan kesalahan kiranya melanggar ordinan tahanan iaitu cuba atau mlarikan diri dari sekolah atau asrama tahanan, sekolah akhlak atau penjara.⁵¹

51. Perkhidmatan Kebajikan Masyarakat di Malaysia, m.s. 22.

Sebagai kesimpulannya dari apa yang dinyatakan di atas dapat penulis rumuskan melalui Jadual 1 demi mengetahui siapakah yang bertanggungjawab di dalam menguatkuasakan segala undang-undang yang telah digubal.

Jadual 1 : Menunjukkan jenis kesalahan yang dilakukan oleh juvana, siapa yang mengemukakan ke mahkamah dan tempat-tempat di mana mereka sepatutnya dihantar.

Perkara	Kriminal	Jagaan Perlindungan	Di luar Kawalan Ibu bapa	Kriminal
Bil. Dlm. Akta 90, Per. Malaysia	12, 1 (f) umur bawah 17	36	37	40 umur 17 – 21
Yang Mengemukakan ke mahkamah	Polis	Polis, Pegawai Kebajikan atau Pegawai Akhhlak	Ibu bapa, Penjaga	Polia
Mahkamah Menghantar Pesalah ke	Sekolah Akhhlak S.H.G.	Sekolah Akhhlak Rumah Pemulihan	Asrama Pemulihan, Sekolah Akhhlak Dan S.H.G.	S.H.G

Petunjuk : S.H.G. ialah Sekolah Henry Gurney, Telok Mas, Melaka.⁵²

52. Pejabat Rekod Sekolah Henry Gurney, Telok Mas, Melaka.

Seterusnya selepas Perang Dunia Kedua, Sekolah Henry Gurney telah diletakkan di bawah pentadbiran Jabatan Penjara. Sehubungan dengan itu pentadbiran penjara telah dipusatkan dan di bawah jagaan Pesuruhjaya Penjara. Sistem pentadbiran dan undang-undang penjara diselaraskan yang mana dahulunya berbeza.⁵³ Ini untuk memudahkan pentadbiran penjara kerana sebelum ini terdapat tujuh set undang-undang yang berbeza dalam sistem pentadbiran penjara baik di Negeri-negeri Selat, Negeri-negeri Bersekutu dan Tidak Bersekutu. Kesesakan penjara selepas perang amat mendadak sekali khasnya berlaku pengisytiharan Darurat pada Jun 1948. Dalam tempoh yang singkat, bilangan banduan di Persekutuan Tanah Melayu meningkat dari 3 579 orang kepada 5 044 orang dan juvana pula seramai 1 100 orang.⁵⁴ Terdapat dua jenis banduan iaitu banduan yang membuat jenayah, bercampur dengan orang tahanan di bawah peraturan Darurat. Ini mewujud suasana bahaya kerana berlaku propaganda komunis di dalam penjara.⁵⁵ Oleh itu pihak Inggeris telah membuat beberapa langkah untuk meminda kaedah penjara dan dikemukakan kepada kerajaan pada Jun, 1949. Langkah-langkah itu mempunyai objektif seperti berikut :

1. Mengurangkan kesesakan yang sering berlaku dan peruntukan bagi penempatan-penempatan yang lain.
2. Memperuntukan pekerjaan yang cukup bagi semua banduan dan pengenalan latihan perusahaan untuk banduan yang telah dijatuhkan hukuman penjara panjang.

53. Annual Report on the Malayan Union For The Year 1946, m.s. 101.

54. W.B. Oliver, Report of The Prisons of The Malaya For The Year 1948, Percetakan Kerajaan, Kuala Lumpur, m.s. 1.

55. O.V. Garratt, Report of The Prison of The Malaya For The Year 1949, Percetakan Kerajaan, Kuala Lumpur, m.s.1.

3. Mengkelaskan penjara untuk tujuan pentadbiran dan pengenalan sistem penjara yang moden, termasuk klasifikasi banduan, kemudahan-kemudahan, skim pendapatan dan lain - lain.
4. Memisahkan beberapa jenis banduan dan orang tahanan.
5. Memberi latihan bagi staf dan organisasi semula secara umum.⁵⁶

Selain daripada perubahan-perubahan yang berlaku dalam organisasi penjara hingga mewujudkan pengelasan pesalah juvana dan dewasa amnya ialah faktor kepada pengenalan Akta Kanak-Kanak Salah Asuhan, pertama kalinya diperkenalkan pada 25 September, 1947. Ianya juga dikenali sebagai ‘Juvenile Court Act 1947’.⁵⁷ Di tahun yang sama juga sebuah Mahkamah Kanak-kanak telah dibentuk yang antara fungsinya ;

1. Menentukan sama ada seseorang kanak-kanak itu bersalah atau tidak di atas setiap tuduhan yang dikemukakan kepadanya. Juga menentukan yang seseorang kanak-kanak itu perlu atau tidak diberi jagaan dan perlindungan.
2. Menentukan sebab-sebab atau punca kanak-kanak itu dibawa ke muka pengadilan. Selepas mendapat keterangan yang lengkap mengenai kelakuan, keadaan rumah tangga ibu bapa atau penjaganya, laporan dari pihak sekolah dan laporan kesihatannya barulah ditentukan cara-cara pemulihan yang terbaik bagi faedahnya. Keputusan ini diambil setelah pihak mahkamah

56. Ibid, m.s. 2.

57. Perkhidmatan Kebajikan Masyarakat, Kementerian Kebajikan Am Malaysia, Kuala Lumpur, Solai Press, 1970, m.s. 18.

membincangkan segala butir dan keterangan mengenai kes yang dibawa kepadanya.⁵⁸

Di dalam menjalankan tugasnya, pihak mahkamah berpandukan kepada beberapa peraturan tertentu. Di antaranya ialah ;

“.....di dalam soal membicarakan seseorang kanak-kanak yang dihadapkan kepadanya, sama ada ia memerlukan perlindungan, jagaan atau sebagai pesalah, pihak mahkamah hendaklah bertindak mengalihkan ia daripada situasi yang tidak diingini, memberikan mereka pelajaran dan latihan yang sempurna.....”.⁵⁹

Akhirnya kerajaan British telah mewartakan Penjara Muar sebagai ‘Advanced Approved School’ yang pertama di Tanah Melayu pada 1hb. Disember 1949.⁶⁰ Ini memandangkan Penjara Muar amat sesuai untuk juvana pada peringkat awal. Namun berlakunya peningkatan yang tinggi terhadap juvana yang terlibat dengan dadah. Memandangkan penjara ini tidak boleh menampung jumlah juvana yang kian meningkat, pihak British terpaksa mengubah mereka ke tempat baru dan terasing dari banduan dewasa.⁶¹

Walaupun akta ini bermula pada tahun 1947 tetapi hanya mula berkuat kuasa pada Disember 1949. Ini disebabkan pihak pentadbir penjara menghadapi kekurangan kakitangan khasnya untuk mengawal pemindahan juvana dari penjara-penjara seluruh Tanah Melayu ke Penjara Juvana Muar, Johor.⁶² Lebih merbahaya lagi kerana ketika itu keadaan darurat sedang berlaku dari tahun 1948 hingga 1960.

58. Ibid..

59. Ibid..

60. Report of The Prisons Department of The Malaya For The Year 1949, m.s. 16.

61. Ibid, m.s. 18.

62. Ibid.

Sehubungan dengan itu, pihak keselamatan Inggeris khuatir akan berlaku serang hendap ketika dalam perjalanan kerana ini telah menjadi matlamat pihak komunis untuk merekrut golongan belia khasnya berbangsa Cina untuk menyertai Parti Komunis Malaya.⁶³ Dalam masa yang sama terdapat seramai 1100 orang juvana yang sedang berada di seluruh penjara Tanah Melayu. Ini tidak termasuk seramai 43 orang juvana yang sedang berada di Penjara Muar.⁶⁴ Penjara ini amat kecil dan tidak sesuai untuk meletakkan juvana yang begitu ramai serta tidak mematuhi konsep sistem Bostal * yang mensyaratkan tempat kediaman yang ‘terbuka’.*

Akhirnya British memilih Melaka sebagai pusat pemulihan yang baru. Walau pun di dalam rekod British tidak jelas, kita boleh mengatakan bahawa Melaka adalah hak British dan tiada halangan untuk Britisah membuat undang-undang dengan mudah. Lagi pun negeri-negeri Melayu yang lain dikuasai oleh Raja-raja Melayu dan ini sudah tentu menyukarkan British. Tambahan pula masyarakat di Melaka merupakan masyarakat berbilang kaum dan tidak sensitif tentang apa-apa dasar yang dibuat oleh British. Apatah lagi Telok Mas terletak agak jauh dari bandar dan sudah terdapat bangunan lama (ISK) yang boleh diguna.

Namun begitu kebanyakan juvana juga terlibat dalam kes-kes seperti pecah rumah, mencuri dan tingkah laku yang sukar dikawal oleh ibu bapa. Ini jelas dapat dilihat dalam laporan yang ditulis oleh W.B. Oliver, Report of The Prison yang menyatakan;

63. W. B. Oliver, Report Of The Prison, 1948, m.s. 1.

64. Ibid, m.s.3.

*. Keterangan ‘Bostal’ boleh didapati pada m.s. 40.

*. Keterangan ‘terbuka’ boleh didapati pada gambar 2.2, m.s.48.

*“..... house breaking, theft, failing to find security for good behaviour and grambling were the more common offences”.*⁶⁵

Sehubungan dengan ini, tidak dapat disangkal bahawa jenayah salah laku begitu tinggi di kalangan imigran Cina dan India amnya. Selain dari bekerja di lombong dan berniaga, mereka juga terlibat dengan kegiatan kongsi gelap. Justeru itu, keadaan ini telah mempengaruhi remaja Cina terlibat dan dikatakan golongan mereka begitu mudah dipengaruhi dan berminat ke arah perkara yang negatif.⁶⁶ Dengan kata lain masyarakat Cina meneruskan nilai-nilai kedaerahan, keturunan dan kebudayaan yang diamal di negara China dibawa dalam kehidupan mereka di Tanah Melayu. Semangat untuk nemperolehi kekayaan serta fahaman kapitalis begitu menebal. Mereka berjimat cermat dan mengamalkan falsafah kepentingan material yang tebal. Ini dinyatakan oleh Syed Hussein Al-Attas di dalam artikelnya ;

*“ The making of money and success in life are more emphased, accompanied by a discipline effort, long range and a national order in life”.*⁶⁷

Dengan kata lain, di Tanah Melayu terdapat banyak peluang-peluang pekerjaan libuka oleh pihak Inggeris dan mereka berebut mengambil kesempatan untuk nemperbaiki status mereka. Dalam masa yang sama pula, disebabkan bentuk nasyarakat, agama, ekonomi dan sebagainya menggerakkan mereka ke arah bersikap ebih individualistik, materialistik, modenis dan kapitalis. Mereka mula menyamun,

5. Ibid, m.s. 6.

6. W.L. Blythe, Historical Sketch Of Chinese Labour in Malaya, Malayan Branch Royal Asiatic Society, 1953, m.s. 3.

7. Syed Hussein Al- Attas, Religion and Modernization in South East Asia ‘dalam Hans-Dieter Evers, Modernization in South East Asia, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1973, m.s. 160.

membunuh, pecah rumah, peras ugut dan menjadi ahli kongsi gelap. Keadaan ini telah membawa kepada keadaan salah asuhan yang tinggi di kalangan masyarakat Cina terutama dilakukan oleh kanak-kanak.⁶⁸

Tambahan pula kesan kemelesetan ekonomi yang berlaku pada 1930-an, di mana seramai 66 000 orang buruh lombong Cina telah dihentikan. Begitu juga keadaan ini terjadi pada buruh India menjelang tahun 1933, di mana jumlah mereka telah berkurangan dari 206 000 kepada 111 000 orang.⁶⁹ Perkara yang sama juga turut berlaku di kalangan orang- orang Melayu tetapi kadarnya tidaklah seburuk nasib yang dialami oleh para imigran ini. Keadaan ini berlaku kerana ikatan orang Melayu masih kuat dengan budaya, adat resam, pandangan masyarakat sekitarnya, agama dan masih terikat dengan istana ketika itu.

Selanjutnya Peperangan Dunia Kedua dan selepasnya diikuti oleh kedatangan Jepun ke Tanah Melayu telah memburukkan lagi situasi yang telah sedia ada. Kehidupan di zaman Jepun merupakan era di mana penduduk Tanah Melayu mengalami zaman kegelapan dan kesengsaraan. Peningkatan di dalam bilangan orang yang menganggur serta kekurangan bahan makanan telah menyebabkan mereka bertindak liar seperti melakukan kegiatan mencuri, merompak dan sebagainya.⁷⁰

-
68. Shaari bin Mat Adam, Jabatan Penjara Taiping 1896 – 1957, Kajian Ringkas Mengenai Pentadbiran dan Peranannya, Universiti Kebangsaan Malaysia, 1974, m.s. 155.
 69. Siew Nim Chee, “Labour and Tin Mining In Malaya” dalam T.H. Silcock, Reading In Malayan Economics, Eastern University Press Ltd., Singapore, m.s. 403 – 404.
 70. Chin Kee On, Malaya Upside Down, Jitts & Co. Ltd, Singapore, m.s. 76.

Sehubungan dengan itu, peristiwa yang sama berulang di zaman darurat pada tahun 1948 - 1960. Berbagai bentuk kesalahan yang serius telah berlaku. Ini termasuklah kesalahan mencuri, merompak, melanggar undang-undang darurat, pecah rumah dan melakukan kekerasan sesama manusia.⁷¹ Apa yang jelas kepada kita ialah situasi ini telah dieksplorasi sepenuhnya juga oleh pihak komunis bagi mempergiatkan lagi usaha mereka mempengaruhi rakyat untuk mengadakan penentangan terhadap kerajaan British.

Manakala bagi masyarakat Melayu pula mula kelihatan semakin terdedah kepada arus kemodenan serta mula menerima unsur barat di dalam kehidupan seharian menjelang tahun 1950 an. Akibatnya ialah, kebanyakkan dari mereka telah mula melibatkan diri ke kancah jenayah seperti mencuri, membunuh, merompak dan lain – lain kesalahan kecil.⁷² Sebelum ini orang Melayu masih lagi terkongkong oleh kawalan keluarga, institusi penghulu atau ketua kampung dan kurangnya penglibatan golongan bawahan di dalam politik.⁷³ Mereka juga merupakan golongan yang kurang mengalami mobiliti sosial dan kurang melakukan bentuk kerja yang mencabar seperti menjadi buruh lombong dan sebagainya.

Namun kadar jenayah di kalangan orang Melayu tidak seburuk nasib yang dialami oleh para imigran ini. Dalam masa yang sama jelaslah kesan kemelesetan

-
71. O.V. Gauss, Report Of The Prison Of The Malaya For The Year 1949, Percetakan Kerajaan, Kuala Lumpur, m.s. 3 – 10.
 72. Yab Beng Liang , “Stratifikasi Sosial Dan Masyarakat Melayu” , Masyarakat Melayu: Struktur, Organisasi dan Manifestasi, Dewan Bahasa Dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1989, m.s. 74-75.
 73. Ibid.

ekonomi telah menyebabkan kejatuhan harga barang, berlaku pengangguran berleluasa khasnya di kalangan penduduk bandar yang amnya terdiri dari masyarakat Cina.⁷⁴ Kegiatan mencuri dan merompak kian meningkat dan peratusan jenayah yang dilakukan oleh kaum ini amat tinggi sekali.

Berhadapan dengan masalah jenayah yang bertambah serius, pihak kerajaan berusaha untuk mengatasi atau membendung masalah salah asuhan ini walaupun pada peringkat awalnya dapat dikatakan berjaya tetapi masih belum mencukupi. ‘**Sekolah Akhlak Tertinggi**’ yang pertama kalinya dibentuk dan telah mengalami beberapa masalah pentadbiran seperti masalah kekurangan kakitangan yang terlatih, kewangan serta terpaksa berhadapan dengan masalah melarikan diri oleh sebahagian dari pesalah juvana. Ini kerana sistem keselamatan pegawai penjara amat rendah. Adakah British tidak sedar akan perkara ini hingga tidak memperuntukkan perbelanjaan yang banyak khusus untuk menyediakan infrastruktur yang lebih baik. Ini memandangkan tiada satu bangunan khas dan pentadbiran yang tetap bagi membolehkan juvana ini dikawal dan pulih secara langsung serta bersungguh-sungguh.⁷⁵

Seharusnya pegawai tinggi British dapat melihat keadaan di penjara yang mana tidak sesuai untuk juvana disimpan bersama banduan dewasa. Persoalannya sekarang mengapakah British mengambil masa yang panjang untuk menubuh sebuah pusat pemulihan Juvana. Adakah British mengambil mudah memandangkan perkara ini

74. Victor Purcell, The Chinese In Malaya, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1967, m.s. 229.

75. O.V. Garratt, Report of The Prison, 1949, m.s. 14.

tidak mendatangkan faedah kepada mereka ?. Walhal British telah mempunyai sistem pemulihan pesalah juvana seperti sistem Bostal yang telah digunakan di England. Jika hendak dikaitkan dari segi penyediaan bangunan, tidak ada masalah kerana British mendapat banyak keuntungan dari jualan bijih timah dan getah sejak penjajahan mereka di sini untuk pembangunan sosial di negara ini.

Oleh yang demikian pada bulan Mei 1949, pihak kerajaan telah cuba memperkenalkan satu sistem baru iaitu cara bagaimana juvana ini harus dididik. Sistem ini dikenali sebagai sistem ‘Borstal’ dan telah digunakan di England sejak tahun 1900 lagi.⁷⁶ Sistem yang difikirkan bersesuaian ini kemudiannya telah diubahsuai caracaranya agar selari dengan situasi tempatan. Dari segi sejarahnya, sistem ‘Borstal’ ini telah bermula di Penjara Rochester, England pada tahun 1902. Borstal pula ialah nama tempat di mana sistem penjara terbuka bagi juvana mula diperkenalkan. Umur kanak-kanak yang ditempatkan ialah berumur antara 16 hingga 21 tahun.

Sistem ini mula dipraktikkan dengan membenarkan sekumpulan kanak-kanak dari Penjara Felham bersama-sama pegawai dan pengurusnya berjalan sejauh seratus tiga puluh dua batu menuju ke Downham tanpa sebarang kawalan. Juvana itu tidak melarikan diri malah telah bersama-sama membangunkan satu kem baru untuk

76. O.V. Garratt di dalam laporannya menulis bahawa mendiang Sir Henry Gurney merupakan seorang yang begitu berminat di dalam kerja – kerja amal yang bersangkutan dengan pemulihan bagi kanak – kanak salah asuhan. Beliau telah mengusulkan supaya diadakan sebuah institusi khas yang berdasarkan sistem ‘borstal’ ditubuhkan di negara ini. Justeru bagi mengenangkan jasanya itu maka pada 19.7. 1950 semasa merasmikan sekolah ini dan setelah mendapat persetujuan dari isterinya maka sekolah ini dengan rasminya dinamakan ‘Henry Gurney School’ O.V. Garratt : opcit, m.s. 31..

penahanan mereka.⁷⁷ Sistem ini mempunyai beberapa ciri asasnya yang tersendiri.

Ada dua ciri asas yang penting pertama anak-anak yang sedang dilatih haruslah dipandang sebagai seorang manusia yang mempunyai watak tersendiri. Tugas ‘Borstal’ tidak menghancurkan atau membuatnya menjadi suatu bentuk tertentu tetapi mendorong beberapa kesanggupan yang dimilikinya untuk dapat berkembang dengan teratur, membuatnya suka kepada satu kehidupan yang baik serta membentuknya menjadi manusia yang berguna. Anak-anak diberi harapan, bimbingan dan panduan supaya lebih yakin dalam menghadapi penghidupan yang lebih mencabar.

Ciri yang lain ialah sistem ‘Borstal’ dan para pegawainya yang bertugas mestilah merupakan satu kesatuan yang saling percaya mempercayai. Para Pegawai dan kakitangan perlu diberi latihan yang mencukupi.⁷⁸ Oleh yang demikian, sekali lagi dinyatakan bahawa setiap remaja yang dihantar ke Sekolah Henry Gurney terdiri daripada mereka yang berumur tidak kurang dari 16 tahun hingga 21 tahun. Mereka ini didapati bersalah, dibawah Akta Makhkamah Akta 90, kanak-kanak, 1947 yang bersabit dengan penglibatan di dalam sebarang bentuk aktiviti jenayah, penyalah gunaan dadah atau berada di luar kawalan ibu bapa atau penjaga. Lama masa hukuman ialah tiga tahun atau sehingga mencapai had umur dua puluh satu tahun.⁷⁹

77. Di sesuaikan daripada buku – buku berikut :

- i) L.W. Force, The English Prison and The Borstal System, London, 1952.
- ii) A. Rodger, A Borstal Experient in Vocational Guidance System, London, 1941.
- iii) W. Hearnly and B.S. Alper, Criminal Youth and The brostal System, London, 1941.

78. L.W. Force, A. Rodger, W. Hearnly, opcit.

79. Pejabat Rekod Sekolah Hendry Gurney, Telok Mas, Melaka.

Dalam pada itu sistem ‘Borstal’ terbahagi kepada dua iaitu ‘terbuka’ yang biasanya merupakan penempatan bagi kanak-kanak yang kurang darjah kenakalannya dan sistem berbentuk ‘tertutup’ untuk kanak-kanak yang suka bergaduh dan lari dari sekolah. Segala keistimewaan ditarik dan dikawal rapi serta diberi kerja berat. Oleh yang demikian ‘Advanced Approved School’ di Penjara Muar tidaklah bersesuaian untuk dijalankan sistem ini.

‘.....the use of prison buildings is most unsatisfactory. It is essential for the application of a system of reformatory training to young offenders that their surroundings should be entirely dissociated from the prison atmosphere....’.⁸⁰

Selain dari itu telah berlaku penambahan juvana hingga mencapai 350 orang pada tahun 1949 berbanding hanya 43 orang pada tahun 1948. Ini adalah kerana berlaku kadar jenayah yang kian meningkat terutama kes-kes pecah rumah, kongsi gelap, curi lembu, kambing dan juga menjadi ejen-ejen komunis.⁸¹ Dalam masa yang sama Parti Komunis Malaya melalui Min Yuen telah menyebarkan ideologi kominis di kalangan pelajar-pelajarnya di kelas malam. Kerajaan Inggeris mendapati murid-murid Cina terlalu ekstrem dari segi ideologi dan tidak mempunyai perasaan tanggung jawab atau kewajipan ke atas negeri yang mereka tinggal.⁸²

Pada tahun 1950 juvana bawah umur 21 tahun telah berkurangan jika dibandingkan dengan jumlah juvana tahun 1949. Walaubagaimanapun jumlahnya agak ramai mencapai 592 orang termasuk 94 orang ditahan kerana keselamatan Darurat.

80. O.V. Garratt, Report of The Prison of The Malaya For The Year 1950, Percetakan Kerajaan, Kuala Lumpur, m.s. 16.

81. Ibid.

82. Victor Purcell, opcit, m.s. 229.

Pada tahun itu seramai 391 tahanan berbangsa Cina, 71 bangsa Melayu, 23 bangsa India dan 7 orang bangsa lain dimasukkan ke ‘Advanced Approved School’.⁸³ Jenayah-jenayah yang dilakukan seperti jenayah harta benda, bersabit dengan orang lain, traffik, menagih candu serta kongsi gelap. Ini semua disebabkan kemelesetan ekonomi, kemiskinan dan kurang didikan. Ini amat ketara dialami oleh masyarakat ketika itu apatah lagi Perang Dunia Kedua baru tamat.⁸⁴

Masalah sosial yang timbul di kalangan masyarakat imigran, didapati ia lebih berpunca daripada corak atau sistem pengambilan mereka ke negeri-negeri Melayu yang berkait rapat dengan amalan atau cara hidup mereka di negara asal masing-masing. Asas-asas ini juga yang telah menyebabkan ramai di kalangan mereka terlibat dengan kegiatan komunis dan kumpulan berhaluan kiri.



Gambar 2.1: Bangunan lama syarikat Ishara Synon Khisa (ISK) yang diguna oleh pihak Britisah dalam memulakan pembuahan Sekolah Henry Gurney.
Sumber : Pejabat Rekod Sekolah Henry Gurney, Telok Mas, Melaka

83. O.v. Garratt, m.s. 8.

84. Ibid, m.s. 15.

Penubuhan Sekolah Henry Gurney, Telok Mas, Melaka

Sekolah ini luasnya kira-kira 15 319 hektar, terletak di tepi pantai menghadap ke Selat Melaka dan sejauh sembilan kilometer dari bandar Melaka. Pada mulanya kawasan ini dikenali sebagai Telok Ketapang yang kemudiannya telah dimajukan oleh pihak Jepun untuk dijadikan sebuah pusat perlombongan bauksit (buaxite) yang terkenal di Semenanjung Tanah Melayu. Syarikat yang mengendalikan perlombongan ini ialah syarikat yang dikenali dengan nama ‘Ishara Synon Khisa’. Para pekerjaannya terdiri dari anak tempatan seperti Melayu, Cina dan India. Pihak berkuasa tentera Jepun telah menjadikan Telok Mas yang mempunyai pengkalan kapal ketika itu sebagai sebuah pusat pengumpulan bauksit bagi kawasan sekitarnya seperti Bukit Lintang dan Bukit Larang. Syarikat ini akhirnya ditutup kerana simpanan bauksit telah kehabisan menjelang kekalahan Jepun di tangan tentera British pada tahun 1945.⁸⁵

Sekolah Henry Gurney ini mula diguna pada bulan Jun 1950 dan kumpulan pertama berpindah dari ‘Advanced Approved School’ Muar ialah seramai 70 orang untuk membangunkan kawasan itu.⁸⁶ Kawasan sekitarnya dipenuhi semak samun dan berbukit. Terdapat tiga buah bangunan peninggalan tentera Jepun diguna semula untuk

85. Petikan ini disesuaikan dari ;

1. Laporan ringkas ‘pamphlet’ yang dikeluarkan oleh Pejabat Rekod, Sekolah Henry Gurney, Telok Mas, Melaka.
2. Temubual dengan En. Mohd. Ali bin Mohammaad, bekas Pengusaha Sekolah (pesara) Henry Gurney di tahun 1972 - 1976. Beliau juga pernah berkhidmat dengan syarikat ‘ISK’ sebagai pelukis pelan dan kemudiannya menjadi Ketua Warden – bertarikh 5 Disember, 2003, di Ayer Keroh, Melaka.
3. Temubual dengan Hj. Ahmad bin Madon, pekerja ISK dan warden Sekolah Henry Gurney – bertarikh 13hb. Feb., 2004, di Umbai, Melaka.

86. Kumpulan pertama berpindah dari ‘Advanced Approved School’ ialah pada 19 Julai, 1950.

1. O.V. Garratt, Report On The Prison of The Federation of Malaya, Percetakan Kerajaan, Kuala Lumpur, m.s.16.
2. Temubual dengan En. Hashim bin Hj. Hassan pada 21 Disember, 2003, di Merlimau, Melaka.

dijadikan pejabat dan tempat tahanan penghuni (lihat gambar 2.1 m.s. 43). Para juvana terpaksa bekerja keras untuk mencantikkan keadaan sekitar. Ini dinyatakan oleh O.V. Garratt :

*“A very considerable amount of really hard work was undertaken by the inmates. Land was reclaimed, terraces constructed to prevent soil erosion and recreation grounds were built. For months, a part from the important trades, all inmates were called upon to perform heavy work”.*⁸⁷

Ini jelas menunjukkan sistem kerah masih diguna khasnya pada juvana yang sepatutnya menerima cara pemulihan sistem ‘Borstal’. Ini bertujuan untuk menjimatkan kos kewangan pihak pentadbiran Inggeris. Akibat dari kerja kasar itu mereka terpaksa berjemur di tengah panas dan seramai tiga orang juvana telah melarikan diri dari tempat kerja kerana tidak tahan dengan kerja-kerja yang diberi.⁸⁸ Di sini dapat dilihat kegagalan pihak Inggeris menyediakan sebuah pusat pemulihan juvana dengan bersungguh-sungguh. Malahan mereka telah menyalah gunakan tenaga buruh dari juvana dan ini amat bertentangan sekali dengan konsep sistem Borstal yang dipraktikkan oleh British semasa di England.

Institusi yang ditubuhkan khas bagi juvana lelaki ini terletak di bawah organisasi penjara dan telah mengalami tiga kali perubahan dari segi namanya. Ia bermula dari nama ‘ Sekolah Akhlak Tertinggi’ pada tahun 1949 kepada Sekolah Latihan Pemuda di tahun 1950 dan berubah untuk kali ketiganya menjadi Henry Gurney

87. O.V. Garratt, Report On The Prisons Department Malaya, 1950, m.s. 18.

88. Temubual dengan En. Hashim bin Hassan, bertarikh 21hb. Disember, 2003, di Merlimau, Melaka.

School pada 19 Julai 1950 iaitu sempena pembukaan rasminya yang dilakukan oleh mendiang Sir Henry Gurney, Pesuruhjaya Tinggi di Tanah Melayu di waktu itu kekal hingga sekarang.⁸⁹ Menurut beliau penubuhan sekolah ini memang perlu dari segi pembentukan disiplin dan kerja kuat bagi para juvana. Sir Henry Gurney telah dilantik menjadi Pesuruhjaya Tinggi British di Tanah Melayu menggantikan Sir Edward Gent dari tahun 1948 hingga 1951.⁹⁰ Beliau merupakan seorang yang berminat dengan kerja-kerja kemasyarakatan dan merasa bertanggung jawab untuk memulihkan remaja tempatan yang terlibat dengan salah laku. Di samping itu beliau yakin bahawa remaja ini boleh dibimbing untuk menjadi manusia yang berguna pada bangsa, agama dan negara. Namun begitu orang yang telah banyak berbakti ini telah ditembak mati dalam peristiwa serang hendap oleh PKM di Bukit Fraser pada 6hb. Oktober, 1951.⁹¹

Motto sekolah ini ialah ‘RESURGAM’ yang diambil dari perkataan Latin. Dalam bahasa Filipina bermaksud ‘I will rise again’ dan dalam bahasa Malaysia bermaksud ‘Kebahagiaan Masa Hadapan Bergantung Kepada Latihan Kewarganegaraan Masa Ini’. ⁹² Perkataan ini terdapat di pintu gerbang Sekolah Hendry Gurney Telok Mas, Melaka. Para Juvana ditempatkan mengikut ‘House System’. Seorang ‘Housemaster’ dan ‘Assistant Housemaster’ bertanggungjawab mengawal dan mengurus setiap ‘House’. Pada ketika itu terdapat enam buah rumah dan terdapat seorang kapten terdiri dari pesalah yang dipilih kerana berkelakuan baik. Begitu juga rekod-rekod juvana diperkenalkan yang sama-sama digunakan dalam

89. The Straits Times, 22hb. Julai, 1950.

90. Abdul Samad Idris, Askar Melayu, 50 Tahun, Pustaka Budiman Sdn. Bhd., 1983, m.s. 382.

91. Barbara Watson Andaya dan L.Y. Andaya, Sejarah Malaysia, Siri Sejarah Asia McMillan Petaling Jaya, 1983, m.s. 303.

92. Pamflet, Pejabat Rekod, Sekolah Henry Gurney, Telok Mas, Melaka.

tahanan Borstal di United Kingdom. Ini adalah penting agar mendapat gambaran yang lengkap mengenai setiap juvana yang dimasukkan ke dalam sekolah ini.

Terdapat enam buah rumah yang diberi nama ‘Haward’, Paterson, Raffles, Gent, Swettenhem dan Umbai.⁹³ Lima nama ini adalah nama pegawai-pegawai British yang terkenal dan pernah berkhidmat di Tanah Melayu. Hanya nama ‘Umbai’ merupakan nama tempatan iaitu sebuah pekan kecil yang terletak berhampiran dengan tempat ini. Kemudian ditambah sebuah lagi kerana kemasukan juvana kian meningkat iaitu Rumah Butterworth. Walaubagaimana pun, kesemua nama ini diubah kepada nama tempatan iaitu Rumah Hang Tuah, Hang Jebat, Hang Kasturi, Hang Lekir dan Hang Lekiu pada tahun 1958 dan terdapat sebuah bangunan batu yang kukuh dipanggil ‘Bilik Asingan’.⁹⁴

Pada dasarnya sekolah ini terletak di bawah pentadbiran Jabatan Penjara Malaysia, Kementerian Kebajikan Am dan di bawah pengawasan Kementerian Dalam Negeri. Selain dari itu sekolah ini juga terletak dan tertakluk di bawah Perlembagaan Malaysia, Akta 90, Akta Mahkamah Kanak-Kanak Nakal, 1974.⁹⁵ Pada masa ini konsep Sekolah Henry Gurney telah diperbanyakkan. Terdapat empat buah institusi atau Sekolah Henry Gurney di Semenanjung Malaysia sementara sebuah di Malaysia Timur

93. O.V. Garratt, Report of The Prison Department of The Federation of Malaya 1953 – 1954, Percetakan Kerajaan, Kuala Lumpur, m.s. 31.

94. Bilik Asingan ialah tempat diasingkan juvana yang melanggar peraturan sekolah seperti pergaduhan dan menikam diri. Bilik ini kecil dan gelap. Pesalah hanya berseluar pendek dan berlantaikan simen sahaja. Pesalah juvana amat takut dengan bilik itu. Tempoh tahanan bergantung pada hukuman yang dijatuh oleh Timbalan Pengusa.

95. Perlembagaan Malaysia, Akta 90, m.s. 20.

iaitu di Sabah. Sekolah-sekolah ini ialah ;


1. Sekolah Henry Gurney, Telok Mas, Melaka.
2. Sekolah Henry Gurney Kedua, Bandar Hilir, Melaka.
3. Dusun Dato' Murad, Ayer Keroh, Melaka.
4. Sekolah Henry Gurney, Batu Gajah, Perak.
5. Sekolah Henry Gurney, Kota Kinabalu, Sabah. (untuk mendapatkan keterangan tentang kedudukan setiap institusi yang dinyatakan ini sila lihat peta yang dilampirkan pada muka surat 49).



Gambar 2.2: Salah sebuah blok kediaman ‘terbuka’ juvana di Sekolah Henry Gurney, Telok Mas, Melaka yang diberi nama ‘ Hang Jebat’. Di sini mereka tinggal dan bebas bergaul dengan rakan-rakan serta mempunyai katil bertenak dan bertilam. Di setiap blok kediaman dipertanggungjawabkan kepada seorang pegawai berpangkat Penolong Penguasa Penjara.

Sumber : Pejabat Rekod Sekolah Henry Gurney, Telok Mas, Melaka.

Peta Lokasi Institusi Penjara dan Sekolah Henry Gurney di Malaysia





Gambar 2.3: Pintu Masuk Utama Sekolah Henry Gurney, Telok Mas, Melaka.




Gambar 2.4: Pintu Masuk Utama Dusun Dato' Murad, Ayer Keroh, Melaka.

Sumber: Pejabat Rekod, Sekolah Henry Gurney, Telok Mas, Melaka dan Dusun Dato' Murad, Air Keroh, Melaka.





Gambar 2.5: Sekolah Henry Gurney Tertutup, Bandar Hilir, Melaka.



Gambar 2.6: Blok-blok Kediaman Juvana, Dusun Dato' Murad, Ayer Keroh, Melaka.

Sumber: Pejabat Rekod, Sekolah Henry Gurney, Bandar Hilir, Melaka dan Dusun Dato' Murad, Air Keroh, Melaka.



Gambar 2.7 dan 2.8: Pagar Keselamatan di Sekolah Henry Gurney, Telok Mas, Melaka.

Sumber: Pejabat Rekod, Sekolah Henry Gurney, Telok Mas, Melaka.

Sekolah Henry Gurney Kedua iaitu Penjara Bandar Hilir Melaka merupakan sebuah pusat pemulihan ‘Borstal’ yang berbentuk tertutup. Dibina pada tahun 1860 ketika Melaka di bawah pentadbiran Negeri-negeri Selat. Pada peringkat awal penjara ini hanya diguna untuk menghukum penjenayah dewasa sahaja. Selepas penubuhan Sekolah Henry Gurney Telok Mas, barulah bangunan penjara ini ditukarkan kepada Sekolah Henry Gurney Kedua yang mempunyai sistem Borstal berbentuk tertutup. Dalam ertikata yang lain disiplin dan undang-undang yang terdapat di sini adalah lebih ketat berbanding dengan institusi yang mempunyai fungsi yang sama dengannya. Segala hak keistimewaan yang diperolehi sebelumnya seperti di Telok Mas atau di Ayer Keroh telah ditarik balik.

Penghuni-penghuni yang ditahan di sini adalah datangnya daripada mereka yang berada di Telok Mas atau Ayer Keroh. Mereka ini telah dipindahkan kerana tidak sesuai lagi ditahan di sana memandangkan tingkah laku yang sukar dikawal seperti terlibat dalam pergaduhan berkumpulan yang berbentuk perkauman. Selain dari itu, terdapat juga juvana yang terlibat dalam kumpulan kongsi gelap, lari, berulang kali memasuki pusat tahanan, mereka yang ditambah hukumannya (selama enam bulan) dan lain-lain lagi perkara yang tidak diingini.⁹⁶

Dalam hal yang demikian, jelaslah bentuk-bentuk hukuman yang berat perlu diberi pada mereka atas tujuan memberi kesedaran dan keinsafan supaya dapat mengubahkan tingkah lakunya. Tetapi adakah dengan hukuman begini dapat memberi kesan ke arah kesedaran atau sebaliknya ?.

96. Abdul Ghani Salleh, Panduan Penjara, Jabatan Penjara Malaysia, 1970, m.s. 216.

Dusun Dato' Murad, Ayer Keroh, Melaka telah ditubuhkan pada 1 September, 1969 dan mempunyai keluasan seratus lima ekar. Sekolah ini juga telah mengalami beberapa tahap pertukaran dari segi namanya. Pada mulanya ia dikenali dengan nama Ladang Pertanian Ayer Keroh, dan bertukar kepada Ladang Sinar Insaf. Ia akhirnya bertukar menjadi Dusun Dato' Murad, pada 10 Disember, 1976 iaitu sempena dengan nama Pengarah Penjara Malaysia di waktu itu. Pertukaran nama ini dilakukan di hari pembukaannya dan telah dipersetujui oleh Menteri Dalam Negeri ketika itu, Tan Sri Ghazali Shafei.⁹⁷

Sekolah ini berbeza dari Telok Mas ataupun Bandar Hilir meskipun ia masih terletak di bawah pengawasan Telok Mas yang bertindak sebagai pusat pentadbiran. Sebagaimana Bandar Hilir, para penghuni di sini datangnya dari Sekolah Henry Gurney, Telok Mas, Melaka. Mereka ini kebanyakannya dipilih dari para juvana yang berasal dari luar bandar dan mempunyai kecenderungan kepada bidang pertanian dan bercucuk tanam. Mereka datang dari negeri Kedah, Perlis, Terengganu dan Kelantan.

Walau bagaimanapun terdapat juga kerja - kerja bercorak bengkel seperti bengkel mekanik dan tukang kayu dijalankan di sini.⁹⁸ Sebagai sebuah sekolah yang menekankan kepada soal pertanian dan perikanan maka para penghuninya telah dididik sedemikian rupa supaya keluar nanti mereka akan dapat mempraktikkan segala apa yang diajarkan. Dewasa ini mereka juga sedang giat menjalankan penternakan ikan air tawar dan di antara ikan yang dipelihara termasuklah jelawat dan tongsan.

97. Ibid, m.s. 217.

98. Ibid, m.s. 218.

Sekolah Henry Gurney, Batu Gajah, Perak telah ditubuhkan pada tahun 1954 bertujuan khas bagi menampung serta memberikan pemulihan kepada kanak-kanak wanita salah asuhan yang didapati bersalah dan melakukan jenayah.⁹⁹ Sebagaimana institusi yang lain, bidang pelajaran dan pendidikan yang ditekankan di sekolah ini bertujuan untuk membina suatu penghidupan baru bagi pesalah juvana ini bila mereka keluar nanti.

Juvana wanita yang ditahan di sini diberikan pelajaran vokasional seperti bengkel perusahaan dan urusan rumah tangga yang di dalamnya terkandung bidang masakan, jahitan, sulaman dan sebagainya. Di samping itu juga mereka diberikan pelajaran akademik dan keagamaan. Adalah diharapkan agar apabila keluar nanti mereka ini akan menjadi isteri dan ibu yang baik serta dapat membina sebuah rumah tangga yang harmoni.

Jadi apa yang dapat kita lihat di sini bahawa sistem Borstal amat sesuai untuk pemulihan iaitu ke arah mendidik dengan penuh toleransi dan kasih sayang. Konsep ini banyak ditekankan khasnya atas percaya antara satu sama lain. Ini bermakna pesalah juvana ini dapat menambahkan keyakinan dan kekuatan mental dalam diri masing-masing untuk menempuh cabaran hidup bila dibebaskan kelak. Keluarga dan masyarakat tidak mampu mengekori dan mengawal serta menasihati mereka. Walau bagaimanapun konsep atau sistem ini kurang kelihatan di pusat-pusat pemulihan juvana terutama dari aspek kebebasan pergerakan seperti yang diamal dalam sistem Borstal.

99. Abdul Ghani Salleh, Ibid, m.s. 219.

Setiap Juvana dikawal begitu ketat oleh pegawai penjara dengan tangan yang bergari bila mereka terlibat dengan aktiviti luar seperti pergi ke hospital dan mahkamah. Jadi juvana ini akan berasa malu dan sudah tentu bertekad untuk meneruskan kegiatan negatif apabila dibebaskan kelak. Pendek kata masyarakat umum akan melihat pesalah juvana ini dengan wajah senyum mengejek. Namun begitu ini perlulah dilihat dari aspek keselamatan kerana kes-kes kelarian yang kerap berlaku semasa mereka dibawa keluar. Dalam masa yang sama juga sikap atau tindak balas juvana itu sendiri membuatkan undang-undang diperketatkan seperti penubuhan Sekolah Henry Gurney II, Bandar Hilir, Melaka (tertutup).